

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' SRI ABDUL MANAN BIN ISMAIL
[PAYA BESAR]

TARIKH : 3 NOVEMBER 2016

SOALAN : **Dato' Sri Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan peranan Malaysia bagi dua agenda utama global ketika ini, krisis terbesar pelarian sejak Perang Dunia Kedua dan konflik Syria yang kini masuk tahun keenam yang meragut lebih 300,000 nyawa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Paya Besar di atas soalan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Kerajaan tidak mengiktiraf status ‘pelarian’ memandangkan Malaysia bukan Negara Pihak kepada Konvensyen Status Pelarian 1951 atau Protokol Status Pelarian 1967. Walau bagaimanapun, Kerajaan atas dasar kemanusiaan, membenarkan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang memegang kad UNHCR untuk tinggal sementara di Malaysia sehingga dihantar pulang ke negara asal atau ditempatkan di negara ketiga. Dasar Negara mengenai perkara ini adalah menggunakan asas “satu kes ke satu kes”. Dari segi bantuan kepada pemegang kad UNHCR, mereka dibenarkan untuk mendapatkan rawatan di hospital/klinik Kerajaan dengan diberi potongan caj sebanyak 50% daripada kadar yang dikenakan ke atas golongan ekspatriat. Vaksinasi kepada kanak-kanak diberikan secara percuma; dan mereka tidak disekat untuk mendapat kemudahan pelajaran di sekolah swasta.

3. Selain itu, Malaysia turut terlibat dalam persidangan antarabangsa anjuran PBB yang membincangkan isu-isu berkaitan pelarian seperti Mesyuarat Peringkat Tinggi mengenai Menangani Penghijrahan Pelarian dan Migran Berskala Besar yang diadakan baru-baru ini pada 19 September 2016 semasa Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-

Bangsa Bersatu (PBB) yang ke-71 yang telah disertai oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

4. Secara umumnya, Malaysia turut menghulurkan bantuan bagi mengurangkan beban pelarian sejagat berdasarkan kemampuan negara. Semasa di beberapa persidangan, Malaysia telah menghulurkan bantuan antaranya di persidangan *International Humanitarian Pledging Conference for Syria* di mana Malaysia telah menyumbang sebanyak USD500,000 pada 15 Januari 2014 dan USD50,000 di persidangan *London Syria Conference* pada 4 Februari 2016.
5. Beralih kepada isu konflik Syria pula, secara umumnya, pendirian Malaysia adalah menyokong prinsip penyelesaian konflik secara aman. Pada peringkat pelbagai hala, pendirian ini sentiasa diketengahkan secara konsisten sepanjang Malaysia menjadi Ahli Tidak Tetap Majlis Keselamatan PBB. Selari dengan ini, Malaysia akan terus menyuarakan pendirian bahawa konflik di Syria hanya boleh diselesaikan melalui rundingan damai yang terangkum dan bukannya melalui operasi ketenteraan atau pun “*use of force*”. Oleh yang demikian, Malaysia menyokong proses penghantaraan dan rundingan damai Syria di bawah naungan PBB.
6. Selari dengan pendirian tersebut, Malaysia telah menyokong Resolusi 2254 yang dicapai di Majlis Keselamatan PBB pada tahun 2015 dan Resolusi 2268 pada tahun 2016. Resolusi 2254 menyokong peranan Kumpulan Sokongan Antarabangsa Syria atau pun *International Support Syria Group (ISSG)* dalam mencari penyelesaian politik jangka panjang di Syria. Manakala Resolusi 2268 telah

menyokong pelaksanaan, dengan izin, *cessation of hostilities* antara pihak bertelagah di Syria bermula 27 Februari 2016 yang telah dicadangkan oleh ISSG. Malaysia akan terus memantau perkembangan di Syria.

7. Seterusnya, semasa Perhimpunan Agung PBB ke-70 yang berlangsung di New York pada 1 Oktober 2015, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa Malaysia akan menerima 3,000 orang migran warganegara Syria atas dasar perikemanusiaan dalam tempoh 3 tahun. Usaha-usaha dalam melaksanakan inisiatif ini diterajui oleh Kementerian Dalam Negeri dengan kerjasama Kementerian-Kementerian dan agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan.
8. Untuk merealisasikan komitmen yang telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Malaysia telah menyasarkan untuk menerima seramai 500 orang migran dari Syria secara berperingkat pada tahun 2016. Setakat Mei 2016, Malaysia telah menerima seramai 79 orang migran dari Syria. Seterusnya, Malaysia dijangka akan menerima 421 orang migran dari Syria sebelum berakhirnya tahun 2016 selaras dengan pengumuman Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada sesi Perhimpunan Agung PBB ke-71 baru-baru ini.
9. Secara kesimpulannya, Malaysia akan sentiasa memainkan peranan untuk mempromosikan keamanan dan kestabilan sejagat dalam meringankan krisis terbesar ‘pelarian’ sejak Perang Dunia Kedua dan konflik di Syria.

Sekian, terima kasih.